

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN :**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah laporan polis yang diterima terhadap Sunner Group International Berhad oleh pembeli mesin vending jalur lebar mudah alih (*wifi*), serta tindakan yang telah diambil terhadap syarikat tersebut.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima sebanyak 146 laporan terhadap Syarikat Sunner Group International Berhad berkaitan kes penipuan pelaburan mesin vending jalur lebar (*wifi vending machine*) dengan jumlah kerugian sebanyak RM 3,272,068.00. Sebanyak 18 kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi kesalahan penipuan. Pada 9 Ogos 2017, 2 orang suspek utama kes ini telah ditangkap dan merampas barangan serta dokumen syarikat tersebut.

Setakat ini, 2 kertas siasatan telah dituduh di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan atas kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang. Kementerian tidak berhasrat untuk mendedahkan maklumat lanjut berhubung kes ini memandangkan ianya masih lagi dalam tindakan siasatan pihak polis.